

# Apa yang boleh dilakukan untuk mengelakkan Jangkitan TB Terpendam daripada menjadi Penyakit TB?

Jika anda mempunyai Jangkitan TB Terpendam, anda boleh mengambil ubat untuk mengelakkan diri anda daripada menjangkiti penyakit TB aktif. Ini juga dinamakan sebagai rawatan pencegahan.

Dengan pengambilan ubat, anda boleh membunuh kuman TB dalam badan sebelum ia menjadi aktif dan menyebabkan penyakit TB kemudian. Tidak semua orang akan berpeluang mendapat rawatan pencegahan. Para doctor dan para jururawat akan menasihati jika ia bermanfaat untuk anda mengambil ubat pencegahan.

Rifampicin (RIF) dan Isoniazid (INH) merupakan ubat yang digunakan untuk rawatan pencegahan dan preskripsi untuk empat (RIF) atau enam (INH) bulan. Doktor dan jururawat akan menerangkan apakah kesan-kesan sampingan yang diperlukan apabila anda mengambil RIF atau INH.

Adalah sangat penting untuk mengambil ubat anda sepertimana yang dipreskripsi oleh doctor atau jururawat dan menghadiri pemeriksaan. Ia memastikan agar anda sihat dan tidak mengalami kesan-kesan sampingan daripada pengambilan ubat tersebut.



## Tuberculosis Control Unit

142 Moulmein Road  
Singapore 308087

### Telefon:

6258 3142 (Contact Clinic)

### Waktu Pejabat:

Isnin-Jumaat: 8 pagi – 1 petang;


2 petang – 5 petang

Sabtu: 8 pagi – 12 t/hari

Untuk maklumat lanjut sila layari talian mengenai kondisi kesihatan dan rawatan di <http://bit.ly/TTSHHealth-Library>.

## Tuberculosis Control Unit

# Jangkitan TB Terpendam (LTBI)






## Jangkitan TB Terpendam

Tuberkulosis (TB) adalah disebabkan oleh bakteria yang digelar tuberkulosis mikrobakteria. Bakteria atau kuman ini boleh berjangkit daripada seseorang yang berpenyakit aktif

Jika seseorang yang mempunyai jangkitan TB pulmonari/ pada paru-parunya mempunyai batuk, menjerit atau mbersin, kuman TB itu akan tersembur ke udara.

Sesiapa yang mempunyai hubungan rapat atau berhubung masa yang lama bersama orang sedemikian mungkin akan terhidu kuman TB ke dalam paru-paru, justeru ia akan tersebar ke seluruh tubuh badannya.



TB kuman merebak melalui udara

Apabila kuman TB memasuki tubuh, ia akan berada di dalam tubuh tanpa membuatkan seseorang berasa sakit. Ini kerana sistem pertahanan tubuh dapat melawan kuman TB dan menyimpannya di bawah kawalan. Oleh yang demikian, kuman di dalam tubuh tidak aktif.

Seseorang yang mengalami tidak aktif kuman TB juga digelar **Jangkitan TB Terpendam**, bukan TB Aktif. Oleh kerana itu, mereka berasa sihat, X-ray paru-paru mereka normal dan mereka juga tidak akan menyebarkan kuman ini kepada orang lain.

## Apa terjadi kepada seseorang berpenyakit Jangkitan TB Terpendam?

Walaupun kuman TB dalam tubuh tidak aktif, namun ianya masih hidup. Dalam jangka sesuatu masa, mungkin bertahun-tahun kemudian, kuman ini kemungkinan boleh aktif dan merebak sebelum menyerang dan merosakkan paru-paru atau bahagian tubuh yang lain seperti buah ginjal, otak atau tulang-tulang.

Jika anda dikenal pasti mempunyai hubungan rapat dengan pesakit TB, adalah penting untuk anda melakukan ujian dan rawatan. Dibandingkan dengan seseorang yang mempunyai kuman TB terpendam, seseorang yang mempunyai penyakit TB yang aktif akan merasa tidak sihat dan mereka boleh menjangkiti kuman TB kepada orang lain. Golongan ini harus mendapatkan rawatan dengan segera.



Dibandingkan dengan seseorang yang mempunyai kuman TB terpendam, pesakit TB aktif akan rasa tidak sihat dan mereka boleh menjangkiti kuman kepada orang lain. Golongan ini harus mendapatkan rawatan dengan segera.

## Bagaimana anda tahu jika anda mempunyai Jangkitan TB Terpendam?

Untuk mengetahui jika anda mempunyai Jangkitan TB Terpendam, ujian darah boleh dilakukan kepada orang dewasa and ujian kulit kepada kanak-kanak bawah umur dua tahun.

Para doctor atau para jururawat akan menghubungi anda jika keputusan ujian anda positif untuk Jangkitan TB Terpendam.

